

04 JUN 2002

Hamid-Pas

PAS CUBA KELIRUKAN RAKYAT, KATA HAMID

MELAKA, 4 Jun (Bernama) -- Penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman berkata Pas cuba mengelirukan umat Islam di negara ini dengan membangkitkan semula isu "undi Pas dapat pahala" baru-baru ini.

Beliau berkata isu yang dinyatakan oleh Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada Muktamar Pas ke-48 di Kota Baharu itu merupakan strategi Pas untuk meraih sokongan terutamanya apabila dekat musim pilihan raya.

"Perjuangan Umno adalah perjuangan Islam yang sejati dalam membangunkan agama Islam di negara ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Taqaruf anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas di sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan dilaporkan berkata pada muktamar itu bahawa perkara berkenaan dibangkitkan kerana ada pihak menafikan kenyataan sebelum ini bahawa mengundi Pas dapat pahala.

Abdul Hamid berkata Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan pemimpinnya yang terdiri daripada anggota Umno yang beragama Islam telah menunjukkan kejayaan dalam membangunkan Islam di negara ini.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi oleh Umno telah menunjukkan kekuatan Islam daripada segi pembangunan ilmu, ekonomi dan kebolehan kita mentadbir," katanya.

Pengiktirafan dunia terhadap kepimpinan Islam di Malaysia terbukti apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih mewakili dunia Islam untuk membincangkan isu keganasan dan Palestin dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush baru-baru ini, katanya.

Beliau berkata jemputan Pope John Paul II untuk bertemu Perdana Menteri di Vatican City juga merupakan satu lagi pengiktirafan dunia terhadap Islam di Malaysia dan amnya di dunia.

"Pertemuan Dr Mahathir dengan Pope John ini memberi kekuatan kepada kita terutamanya umat Islam untuk terus membangunkan negara," katanya.

-- BERNAMA

SBS NMO